

# Graduan UPM laku di pasaran

# 90 peratus dapat tawaran

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ KUALA LUMPUR 24 JUN

**H**AMPIR 90 peratus dari pada 7,000 graduan lulusan Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menerima tawaran pekerjaan dalam pelbagai sektor setiap tahun.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Aini Ideris berkata, pencapaian tersebut hasil kerjasama dan usaha keras tenaga pengajar serta kakitangan lain untuk mempertingkatkan kualiti graduan.

Katanya, dengan nisbah tersebut, UPM yakin dapat meningkatkan kedudukan serta prestasi mereka untuk menyertai kelompok 150 institusi cemerlang dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

“Ada enam indikator yang dilihat untuk merealisasikan impian ini, antaranya kebolehpasaran pekerjaan dalam kalangan graduan UPM, bahan



**AINI IDERIS**

penerbitan universiti dan reputasi akademik, pembabitan dan peranan institusi serta bilangan pelajar antarabangsa.

“Jadi kami akan mengenal pasti perkara yang perlu dilakukan dalam jangka masa terdekat ini supaya sasaran dapat dicapai,” katanya ketika ditemui dalam majlis jamuan Aidilfitri UPM, dekat sini hari ini.

UPM sebelum ini berjaya melonjak sebanyak 43 anak tangga, iaitu peningkatan tertinggi antara semua universiti dalam negara, kepada kedudukan ke-159 terbaik dunia dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020.

Aini berkata, UPM akan melakukan kajian terperinci bagi mengenal pasti perkara yang perlu ditambah baik dalam komitmennya untuk meningkatkan prestasi mereka bagi mencapai sasaran masuki kelompok 150 ranking QS dalam tempoh beberapa tahun akan datang.